



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790

Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: KPM.600-4/1/1 Jld. **51 (46)**

Tarikh : **28** November 2025

YBrs. Ts. Dr. Pua Chang Hong
Ahli Jawatankuasa Pemandu Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF)
Naib Presiden
Pengantarabangsaan dan Pembangunan Akademik
Universiti Tunku Abdul Rahman
Jalan Sungai Long, Bandar Sungai Long
43000 Selangor

YBrs. Dr.,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PENGLIBATAN MURID BAGI
PROGRAM KUALA LUMPUR ENGINEERING SCIENCE FAIR 2025 ANJURAN
THE INSTITUTION OF ENGINEERS, MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) mengucapkan tahniah atas usaha pihak **Kuala Lumpur Engineering Science Fair** kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui program **Kuala Lumpur Engineering Science Fair 2025** pada **14 hingga 16 November 2025**.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima serta meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Pelibatan II Peringkat Antarabangsa** dan **Pencapaian Peringkat Antarabangsa** bagi penyertaan murid kepada peserta yang mendapat tempat dalam pertandingan ini. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan pelibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di lampiran.

4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri serta sekolah yang disertai oleh murid dalam program berkenaan.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak YBrs. Ts. Dr. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBrs. Ts. Dr. boleh menghubungi **Dr. Azurawati binti Wok Zaki** di talian **03-88841090** atau e-mel **azurawati.wzaki@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN PELIBATAN DAN
PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI,
SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

JENIS PELIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PELIBATAN I	i. Program pertandingan/kejohanan/perkhemahan/ kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan. ii. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.
PELIBATAN II	i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus/ karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan . ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan. iii. Peserta lawatan luar negara
PELIBATAN III	i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung . ii. Pelibatan murid sebagai penyokong atau penonton

SKOR PELIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Pelibatan I	Pelibatan II	Pelibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4